

## BINA KEUPAYAAN PEKERJA

### **PERIKATAN INOVASI SEJAGAT (GIA)**

Inisiatif bagi membantu pekerja dan syarikat Singapura memperkukuh hubungan dengan rakan niaga di luar negara dan menambah pengalaman ini terbahagi kepada tiga program:

#### **– Akademi Pengenovasi**

Membantu pelajar tertiar menjalin hubungan dan keupayaan di luar negara.

Program Kolej Universiti Nasional Singapura di Luar Negeri (NOC) membuka peluang bagi mahasiswa mendalami budaya 'start-up' di luar negeri.

Akademi ini meluaskan program tersebut ke universiti setempat lain.

#### **– Innovation 'Launchpads'**

Beberapa wadah bagi menjalin hubungan atau 'innovation launchpads' bakal ditubuhkan di beberapa pasaran asing. Ia bertujuan menghubungkan usahawan dan pemilik perniagaan kepada mentor, pelabur dan penyedia khidmat.

#### **– Pusat Sambutan**

Syarikat asing yang inovatif boleh menjalin hubungan dengan syarikat Singapura di sini, bagi memburu inovasi bersama, menguji produk baru di Singapura dan meluaskan perniagaan di rantau ini.

### **INISIATIF MEMBANGUN KEPIMPINAN SKILLSFUTURE**

Inisiatif ini memberi sokongan kepada syarikat yang ingin menyerantau dan memerlukan pemimpin berkeupayaan di luar negara.

Ia meluaskan program pembangunan pemimpin dengan menyokong usaha menghantar pekerja yang layak menghadiri kursus khas dan ke luar negeri.

Sebagai permulaan, ia menyasarkan membangun 800 pemimpin dalam tempoh tiga tahun.